



Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

PERTANDINGAN VIDEO TIKTOK KKP 2022

A. MAKLUMAT PERTANDINGAN VIDEO

1. Pertandingan video tiktok Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) 2022 adalah anjuran Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Majlis Negara Bagi Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) sempena sambutan Minggu Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Peringkat Kebangsaan 2022.
2. Tempoh penyertaan adalah **1 Julai 2022 sehingga jam 23:59:00, 31 Ogos 2022**.
3. Tempoh penjurian adalah 1 September 2022 sehingga 30 September 2022.
4. Setiap video perlu bertemakan **pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di tempat kerja**.
5. Setiap peserta boleh menghantar lebih dari satu video. Walaubagaimanapun, peserta hanya layak memenangi **satu hadiah** sahaja.
6. Peserta pertandingan video hendaklah memilih salah **satu** kategori yang dipertandingkan **sahaja** iaitu :

A) Kategori Kebangsaan Terbuka	Peserta berumur 18 tahun ke atas yang bekerja di sektor kerajaan, swasta atau bekerja sendiri
B) Kategori Pengajian Tinggi	IPTA/IPTS/Kolej/Matrikulasi/ Politeknik/ Institusi (Berstatus Pelajar Di Pusat Pengajian)
C) Kategori Sekolah Menengah	Sekolah Menengah

B. KELAYAKAN PERTANDINGAN

1. Penyertaan terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 13 tahun ke atas.
2. Kakitangan JKKP tidak layak menyertai pertandingan ini.

C. TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN

1. Penyertaan adalah percuma.
2. Penyertaan pertandingan video adalah secara berkumpulan, minimum 2 orang dan maksimum 4 orang (termasuk ketua kumpulan).
3. Produksi mestilah karya asal peserta dan tidak pernah menyertai mana-mana pertandingan sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
4. Genre video adalah terbuka seperti animasi, drama, sketsa, komedi dan dokumentari.
5. Memastikan akaun pengguna tiktok yang aktif dan dalam tetapan umum.
6. Gunakan tanda pagar #OSHWeek2022
7. Pihak penganjur tidak bertanggungjawab untuk menanggung sebarang kos ataupun kerugian yang ditanggung oleh peserta sepanjang pertandingan berlangsung.
8. **Tidak dibenarkan** menyentuh sensitiviti kaum, agama serta politik dalam pembikinan video.

D. SPESIFIKASI VIDEO

1. Durasi masa video yang dihasilkan **tidak melebihi 120 saat**.
2. Gunakan tanda pagar #OSHWeek2022
3. Peserta dibenarkan menghasilkan video dengan menggunakan **Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris**.
4. Video dihasilkan perlu mempunyai kualiti gambar resolusi minimum 720p dan ke atas dan suara yang baik serta jelas.

E. PENDAFTARAN DAN PENGHANTARAN VIDEO

1. Isi maklumat penyertaan dalam google forms yang disediakan di link <https://bit.ly/3a0DQvD> atau imbas kod QR berikut:



2. Salin (*Copy*) pautan (*link*) video anda dan tampalkan (*paste*) di dalam ruangan penghantaran google form di atas dan seterusnya kongsi juga pautan video ke ikkp.ukk@gmail.com

F. TUNTUTAN HAKCIPTA

1. Semua video penyertaan yang diterima menjadi hakmilik penganjur dan ianya boleh digunakan untuk apa-apa tujuan.
2. Pihak penganjur berhak menerbitkan, mengeluarkan, memapar, mengedar, menyunting dan menayangkan pada skrin mana-mana hasil karya yang menang atau tidak di laman web, pameran, mana-mana media yang lain atau media sosial untuk tujuan kegunaan penganjur. Video yang digunakan akan dikreditkan kepada pemilik karya.

G. KRITERIA PENGHAKIMAN

1. Keseluruhan video tiktok akan melibatkan penjurian professional (80%). Penjurian professional akan dinilai mengikut kriteria pemarkahan seperti berikut:

KRITERIA	MARKAH
Idea	30
Kreativiti Penyampaian	30
Kesesuaian Dengan Tema	20
Jumlah	80

2. Tiga video bagi setiap kategori yang telah dinilai oleh juri profesional seterusnya akan dinilai melalui **penjurian awam (20%)**, kriteria permarkahan adalah seperti berikut :

KRITERIA	MARKAH
Bilangan Tanda Suka (<i>Like</i>)	1 Markah
Bilangan Digemari (<i>Favorites</i>)	1 Markah

3. Semua keputusan hakim adalah muktamad dan sebarang perbincangan atau surat-menyurat tidak akan dilayan.

H. HADIAH

1. Tawaran hadiah bagi setiap pemenang adalah seperti berikut:

A) Kategori Kebangsaan - Terbuka

HADIAH	NILAI
Tempat Pertama	RM 2,000.00
Tempat Kedua	RM1,000.00
Tempat Ketiga	RM 750.00

B) Kategori Kebangsaan - Pengajian Tinggi

HADIAH	NILAI
Tempat Pertama	RM1,500.00
Tempat Kedua	RM 850.00
Tempat Ketiga	RM 500.00

C) Kategori - Sekolah Menengah

HADIAH	NILAI
Tempat Pertama	RM700.00
Tempat Kedua	RM500.00
Tempat Ketiga	RM 200.00

2. Keputusan pengadil adalah **muktamad**. Rayuan atau pertikaian tidak akan dilayan.
3. Pemenang akan dihubungi melalui surat rasmi, telefon atau emel.

I. PENOLAKAN PENYERTAAN

Urusetia berhak menolak sebarang penyertaan yang melanggar peraturan dan mengubah sebarang syarat yang dirasakan perlu dari masa ke semasa.

J. TARIKH TUTUP PENYERTAAN

Semua penyertaan hendaklah dikemukakan kepada pihak urusetia selewat-lewatnya pada **31 Ogos 2022** sebelum **jam 23:59:00**

Penyertaan yang diterima selepas daripada tarikh tutup akan ditolak.

K. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :

URUSETIA PERTANDINGAN VIDEO TIKTOK KKP 2022.

ALAMAT:

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP)
Aras 1, 3, 4 & 5, Blok D4, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 W. P. Putrajaya

E-MEL : jkkp.ukk@gmail.com

TEL : 03-8885 5343

ANJURAN



Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan